

Headline	Jangan terlewat lindungi pokok		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	840 cm ²
Journalist	MOHD. AFENDI HUSSIN	AdValue	RM 16,754
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,262



TAHUKAH ANDA?

Teduh di bawah pohon siput jantan

- *Hopea odorata* atau merawan siput jantan juga dikenali dengan pelbagai nama tempatan lain yang menarik seperti cengal pasir, cengal kampung, cengal pulau dan cengal mas.

- Terdapat di Indo-China, Myanmar, Thailand, Borneo, Semenanjung Malaysia hingga ke Kepulauan Andaman.

- Spesies ini mudah dijumpai tumbuh di bahagian utara Semenanjung Malaysia seperti di negeri Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu.

- Pokok bersaiz besar, boleh mencapai ketinggian sehingga 45m dan diklasifikasikan sebagai pokok berkayu keras.

- Spesies ini banyak digunakan dalam program penghutanan semula selain menjadi antara pokok teduhan yang popular.

- Di kampus FRIM, *H. odorata* mula ditanam pada tahun 1929. Salah satu spesimen spesies ini dapat dilihat berdiri megah berhampiran bangunan kelab FRIM, Kepong (F2) yang kini sedang berbuah.

- Buah *H. odorata* yang unik dan bersayap berterbangan di udara, yang kemudiannya bertaburan di atas tanah sangat menarik perhatian dan mengujakan sesiapa sahaja yang melihatnya.

Jangan terlewat lindungi pokok

POKOK yang ditanam perlu dikawal daripada mengalami kemerosotan pertumbuhan atau tumbuh secara tidak subur yang boleh berpunca daripada tekanan, serangan penyakit atau serangga perosak. Penyelesaian terhadap prestasi pertumbuhan pokok ini bertujuan supaya pokok berkenaan sentiasa kelihatan menarik, selamat dan mampu melaksanakan fungsinya kepada pengguna.

Kemerosotan tahap kesihatan boleh dilihat daripada beberapa perubahan yang berlaku ke atas pokok berkenaan. Perubahan di luar kebiasaan merupakan petunjuk yang mudah dan cepat untuk dikesan. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu, pengesanan terhadap perubahan ini juga menunjukkan bahawa sudah agak terlewat untuk membuat rawatan terhadap pokok tersebut.

Antara petunjuk ketara yang boleh digunakan dalam mengesan kemerosotan kesihatan pokok adalah perubahan warna, saiz dan rupa bentuk daun.

Justeru, menjadi keperluan untuk mereka yang bertugas dalam kerja-kerja penjagaan tumbuhan untuk membiaskan diri melihat dan memahami serta peka terhadap rupa bentuk spesies tumbuhan yang mereka pelihara dan jaga.

Warna-warna daun yang berubah daripada hijau ke kekuningan, kemunculan tompokan-tompokan warna kuning atau perang contohnya, atau kemunculan lapisan debu atau jelaga di permukaan daun, juga saiz daun yang menjadi kecil atau berbentuk pelik

bercakap dengan pokok

Bersama MOHD. AFENDI HUSSIN



Siri 17

daripada kebiasaan adalah merupakan beberapa contoh yang menunjukkan bahawa tumbuhan atau pokok berkenaan mempunyai masalah tekanan atau mengalami serangan penyakit.

Tidak hanya pada daun, kemerosotan silira pokok seperti rimbunan silira yang berkurangan, terdapatnya ranting dan dahan mati atau mungkin juga kemunculan tunas air yang banyak.

Sekiranya muncul pula organ yang luar biasa seperti bengkak pada akar, batang atau dahan, maka semua ini juga turut merupakan sebahagian daripada petanda yang menunjukkan bahawa tumbuhan atau pokok berkenaan mengalami tekanan.

Serangan penyakit dan kemerosotan kesuburan pokok ini boleh berpunca sana ada daripada faktor abiotik ataupun biotik. Faktor abiotik ini boleh terdiri daripada keadaan persekitaran seperti tajah yang padat, tanah yang mempunyai air yang tergenang, pencemaran udara, luka mekanikal seperti dilanggar kesederhanaan atau jentera, kerosakan pokok akibat vandalisme, kesilapan kaedah pemangkasan atau amalan penanaman yang salah.



Faktor biotik pula boleh berpunca daripada serangan serangga, cacing nematod, kulat, bakteria dan juga virus.

Bagi memastikan bahawa pokok-pokok dan tumbuhan lain yang ditanam tumbuh dengan baik, maka amalan penjagaan pokok melalui program dikenali sebagai *Plants Health Care* (PHC) atau Penjagaan Kesihatan Tumbuhan perlu dilaksanakan.

Ia merupakan satu pendekatan holistik dan komprehensif bagi mengurus kesihatan, struktur dan ketampilan pokok tersebut di dalam landskap.

Arboris dan mereka yang terlibat dalam pengurusan kesihatan tumbuhan ini akan melihat masalah pokok dalam bentuk keseluruhan sistem landskap tersebut. Mereka juga mengambil kira keadaan atau saling hubungan antara setiap komponen persekitaran yang mungkin mempengaruhi masalah kemerosotan kesuburan pokok berkenaan.

PHC merupakan pendekatan proaktif yang sebaiknya bermula dengan perancangan awal pembangunan landskap.

Ini termasuklah aspek-aspek yang membabitkan pemilihan spesies, peruntukan ruang untuk tujuan penanaman, persiapan langkah pencegahan bagi mengelakkan kerosakan dan berlakunya tekanan terhadap pokok yang sedia ada di kawasan tapak pembangunan.

Kehadiran arboris pada peringkat perancangan awal perlu dilihat sebagai komponen disiplin sokongan atau pelengkap bagi memperoleh hasil landskap yang mampu bertahan untuk tempoh jangka panjang.

Tidak semua pokok yang

telah rosot, rosak atau mengalami tekanan (stres) boleh dirawat apatah lagi sekiranya punca penyebabnya diketahui agak lewat iaitu ketika pokok tersebut mengalami kerosakan yang sangat teruk. Justeru, mencegah lebih baik daripada merawat.

Justeru, usaha atau pilihan untuk merawat pokok telah berubah kepada pendekatan menjaga kesuburan pokok dan mengurangkan berlakunya tekanan terhadap pokok-pokok yang telah ditanam. Dengan kata lain, pokok perlu sihat bermula daripada awal pertumbuhannya.

Dalam keadaan tertentu, jalan penyelesaian untuk pokok yang mengalami kemerosotan yang teruk atau hampir mati mungkin berakhir dengan penanaman yang baharu.

Penggunaan racun serangga dan kulat hanya diaplikasikan sekiranya perlu.

Penggunaannya perlu mengikut jumlah dan peraturan yang tertera oleh pengilang dengan mengambil kira amalan-amalan keselamatan yang sepatutnya.

Racun kawalan penyakit yang bersifat organik secara umumnya lebih digalakkan.

Amalan budaya seperti menjaga kebersihan kawasan dan mengawal pertumbuhan rumput boleh membantu mengurangkan risiko tumbuhan diserang penyakit terutamanya di peringkat awal penanaman pokok.

Peliharalah pokok agar terus sihat, subur dan terjaga supaya dapat memberikan manfaat kepada penghuni dunia.

